Peruntukan Ketaksaksamaan Gender dalam Undang-undang Kewarganegaraan merupakan salah satu penyumbang utama kepada isu tanpa kewarganegaraan di Malaysia

Malaysia adalah salah satu daripada 25 negara di dunia yang MENAFIKAN HAK WANITA untuk memindahkan kewarganegaraan kepada anak-anak mereka secara saksama dengan lelaki.	Malaysia adalah salah satu daripada 3 negara di dunia yang MENAFIKAN HAK LELAKI untuk memindahkan kewarganegaraan kepada anak-anak mereka yang dilahirkan tanpa perkahwinan yang sah.
	Perlembagaan Persekutuan Malaysia, yang menegakkan kesamaan dan melarang diskriminasi jantina di bawah Perkara 8(1) dan 8(2), dilemahkan oleh kekerapan kewujudan diskriminasi jantina dalam undang-undang kewarganegaraan.

**Tanpa kewarganegaraan tidak mendiskriminasi,
kedua-dua lelaki dan wanita terjejas oleh isu ini.**

UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA YANG MELINDUNGI AKSES UNTUK MENDAPATKAN KEWARGANEGERAAN

- 1948 Perisyiharan Sejagat Hak Asasi Manusia, Perkara 15
- 1954 Konvensyen yang berkaitan dengan Status Orang Tanpa Kewarganegaraan, Artikel 1
- 1961 Konvensyen mengenai Pengurangan Tanpa Kewarganegaraan, Artikel 1-4
- 1965 Konvensyen mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum, Perkara 5
- 1966 Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik, Artikel 24
- 1979 1979 Konvensyen mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita, Perkara 9
- 1989 Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak, Artikel 7 dan 8
- 1990 Konvensyen mengenai Perlindungan Hak Semua Pekerja Migran dan Anggota Keluarga mereka, Perkara 29
- 2006 Konvensyen mengenai Hak Orang Kelainan Upaya, Perkara 18

MENTAKRIF ORANG TANPA KEWARGANEGERAAN DAN ISTILAH-ISTILAH YANG BERKAITAN

1

Tidak Berdokumen

Seseorang yang tidak mendaftarkan kelahiran mereka atau maklumat pengenalan diri mereka tidak dicatat oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

2

Tidak dapat Ditentukan

Seseorang yang kewarganegaranya tidak dapat ditentukan merupakan individu yang tidak mempunyai bukti pemilikan mana-mana kewarganegaraan, dan sama ada mempunyai hubungan dengan lebih daripada satu negeri (berdasarkan kelahiran, keturunan, perkahwinan, atau kediaman biasa) atau dianggap dan diterima oleh pihak berkuasa dalam negeri tempat tinggal seakan mempunyai kaitan sedemikian dengan negeri-negeri lain. Keadaan kewarganegaraan yang tidak dapat ditentukan mestilah wujud untuk tempoh yang singkat sahaja.

3

Risiko Tinggi Status Tanpa Kewarganegaraan

Orang yang berisiko menghadapi status tanpa kewarganegaraan adalah bukan tidak bernegara tetapi boleh menjadi tidak bernegara jika faktor-faktor tertentu wujud. Dalam kebanyakan kes, beberapa faktor akan berperanan sebelum seseorang boleh dianggap sebagai berisiko menghadapi status tanpa kewarganegaraan. Ini termasuk orang yang tidak berdokumen, dan mereka yang tinggal di kawasan sempadan dan tidak mendaftarkan kelahiran mereka.

4

Tanpa Kewarganegaraan

Orang tanpa kewarganegaraan ialah seseorang yang tidak diiktiraf sebagai warganegara oleh mana-mana negara di bawah penguatkuasaan undang-undangnya.

KATEGORI TANPA KEWARGANEGERAAN DI MALAYSIA DAN SEBAB-SEBABNYA

Tanpa Kewarganegaraan
Risiko Tinggi Tanpa Kewarganegaraan

- I • Tiba/Dilahirkan sebelum Hari Kemerdekaan (31 Ogos 1957) atau Hari Malaysia (16 Sept 1963)
- II • Undang-undang Kewarganegaraan Diskriminatif
 - a) Kanak-kanak yang dilahirkan daripada perkahwinan tidak sah kepada bapa warganegara Malaysia
 - b) Kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh wanita warganegara Malaysia
- III • Kanak-kanak terabai dan ditemui
- IV • Kanak-kanak bukan warganegara yang diambil sebagai anak angkat
- V • Nomad atau Semi Nomad Sama Bajau
- VI • Orang Asli/Asal
- VII • Migran Pelbagai Generasi, pencari suaka dan pelarian

I. INDIVIDU YANG TIBA ATAUPUN DILAHIRKAN SEBELUM HARI KEMERDEKAAN (31 OGOS 1957) ATAU HARI MALAYSIA (16 SEPT 1963)

Individu dalam kategori ini dibenarkan untuk memohon kewarganegaraan di bawah Artikel 16 (dengan Sijil Kelahiran) dan Artikel 19 (tanpa Sijil Kelahiran)



Artikel 16 Perlembagaan Persekutuan memberikan kewarganegaraan kepada orang yang dilahirkan di Persekutuan Tanah Melayu sebelum Hari Kemerdekaan pada tahun 1957. Ini merangkumi sebilangan besar pendatang dari India dan Cina yang tiba di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan dan keturunan mereka. Masyarakat ini dan keturunan mereka layak untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia di bawah Perlembagaan Persekutuan setelah Merdeka, tetapi akibat kekurangan kesedaran tentang pentingnya dokumen pengenalan diri yang sah, ramai dalam kalangan mereka yang gagal mendaftarkan perkahwinan dan kelahiran anak-anak mereka. Kebanyakan mereka tinggal di ladang-ladang terpencil dan dapat memanfaatkan kemudahan asas tanpa memiliki dokumen pengenalan diri yang sah. Oleh itu, mereka hanya menyedari betapa pentingnya dokumen tersebut setelah ladang-ladang tersebut diswastakan ataupun ditutup dan mereka terpaksa pindah.

II. PERUNTUKAN KETAKSAKAMAAN GENDER DALAM UNDANG-UNDANG KEWARGANEGARAAN

a. Kanak-kanak yang dilahirkan daripada Perkahwinan Sah kepada bapa yang berwarganegara Malaysia



Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan lelaki memindahkan kewarganegaraan mereka kepada anak-anak mereka yang dilahirkan daripada perkahwinan yang tidak sah. Perkara ini boleh mewujudkan status tanpa kewarganegaraan, jika anak-anak itu tidak dapat memperoleh kewarganegaraan daripada ibu mereka dalam keadaan-keadaan berikut:



- (i)
ibu berstatus bukan warganegara



- (ii)
undang-undang negara asal ibu itu tidak membenarkannya untuk memindahkan kewarganegaraan dalam keadaan tertentu



- (iii)
identiti ibu tidak diketahui

II. PERUNTUKAN KETAKSAKSAMAAN GENDER DALAM UNDANG-UNDANG KEWARGANEGARAAN

b. Kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh wanita warganegara Malaysia

Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan ibu untuk memindahkan kewarganegaraan kepada anak-anak mereka yang dilahirkan di luar Malaysia pada asas yang sama seperti para bapa. Walaupun terdapat peruntukan pendaftaran atas budi bicara yang membolehkan ibu bapa mendaftarkan kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara sebagai warganegara Malaysia, masih wujud diskriminasi memandangkan kanak-kanak tersebut tidak dapat memperoleh kewarganegaraan secara automatik. Sekiranya mereka tidak dapat memperoleh kewarganegaraan bapa mereka, kanak-kanak ini mungkin akan menjadi tanpa kewarganegaraan atau berisiko menjadi tanpa warganegara.



III. KANAK-KANAK TERBIAR DAN DITEMUI

Bahagian 19 (B), Bahagian II dari Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf kanak-kanak terbiar dan ditemui sebagai warganegara Malaysia, yang dianggap sebagai negara di mana mereka dijumpai, dan sekaligus memberi perlindungan kepada kanak-kanak dalam golongan ini daripada menjadi tanpa kewarganegaraan. Tetapi tidak ada garis panduan atau prosedur pentadbiran JPN mengenai pelaksanaan peruntukan perlembagaan yang berkaitan.

Tanpa maklumat mengenai ibu bapa kandung mereka, kanak-kanak terbiar dan ditemui tidak dapat memberikan bukti untuk memenuhi syarat pemerolehan kewarganegaraan melalui operasi undang-undang. Ramai dalam kalangan kanak-kanak ini yang telah diberikan dengan MyKAS. Mereka yang telah memiliki kad ini pula sering menghadapi ancaman kerana tidak ada jalan untuk membuat permohonan PR atau kewarganegaraan.



IV. KANAK-KANAK TANPA KEWARGENEGARAAN YANG DIAMBIL SEBAGAI ANAK ANGKAT

Terdapat skop dalam undang-undang kewarganegaraan Malaysia (melalui Artikel 14 (b) Perlembagaan Persekutuan) untuk anak angkat yang berstatus tanpa kewarganegaraan untuk memperoleh kewarganegaraan daripada salah seorang daripada ibu atau bapa angkat mereka. Walau bagaimanapun, secara praktis, ibu bapa angkat menghadapi halangan yang ketara dalam pemberian kewarganegaraan kepada anak-anak mereka yang berstatus tanpa kewarganegaraan, disebabkan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengamalkan pertimbangan atas budi bicara untuk memberikan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A untuk anak angkat.



V. NOMAD DAN SEMI NOMAD SAMA BAJAU

Ramai yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri kerana kelahiran mereka tidak didaftarkan dan ibu bapa mereka tidak pernah memperoleh dokumen pengenalan diri. Tanpa dokumen yang sah untuk membuktikan identiti atau status mereka, anak-anak mereka berkeliaran di jalanan dan terpaksa berhadapan dengan risiko ditahan, ditindas dan dieksplotasi. Golongan ini juga tinggal di Filipina dan Indonesia.



VI. ORANG ASLI/ASAL

Kebanyakan masyarakat orang Asli/Asal di Malaysia tinggal di kawasan luar bandar. Walaupun JPN mempunyai inisiatif yang sangat baik melalui pelancaran pendaftaran bergerak, ramai dalam kalangan masyarakat orang asli yang tidak mendapatkan dokumen pada waktunya dan kadang-kadang menghadapi masalah dalam membuat pendaftaran lewat sijil kelahiran atau kad pengenalan.



VII. MIGRAN PELBAGAI GENERASI, PENCARI SUAKA, PELARIAN

Anak-anak pekerja migran, pencari suaka dan pelarian yang kelahirannya sering tidak didaftarkan kerana ibu bapa mereka tidak berdokumen dan disebabkan itu takut ditangkap, ditahan dan dihantar pulang oleh pihak berkuasa ketika cuba mendaftarkan kelahiran anak-anak mereka. Anak-anak tersebut akan berisiko tinggi tanpa kewarganegaraan jika mereka tidak mempunyai dokumen-dokumen untuk membuktikan hubungan mereka dengan negara asal ibu bapa mereka.

Juga terdapat peningkatan anak-anak yang dilahirkan daripada hubungan antara warga Malaysia dengan pekerja migran, pencari suaka atau pelarian. Kanak-kanak ini mungkin berisiko tanpa kewarganegaraan, jika salah satu atau kedua-dua ibu bapa mereka tidak mempunyai kewarganegaraan, ibu bapa mereka tidak dapat memindahkan kewarganegaraan mereka dan/atau mereka tidak dapat mendaftarkan kelahiran mereka dengan pihak berkuasa Malaysia atau konsulat yang berkaitan.



KESAMAAN / EKUITI GENDER

Kesamaan Gender merujuk kepada persamaan antara lelaki dan wanita, berdasarkan konsep bahawa semua, kedua-dua lelaki dan wanita, bebas mengembangkan kemampuan peribadi mereka dan membuat pilihan tanpa batasan yang ditetapkan oleh stereotaip, peranan gender dan prasangka yang tegar. Kesamaan gender bermaksud bahawa tingkah laku, aspirasi dan keperluan wanita dan lelaki yang berbeza diberi pertimbangan, dihargai, dan disukai sama rata. Ini tidak bermaksud bahawa wanita dan lelaki mesti menjadi sama. Tetapi hak, tanggungjawab dan peluang mereka tidak akan bergantung pada sama ada mereka dilahirkan lelaki atau perempuan.



Ekuiti Gender bermaksud perlakuan adil terhadap wanita dan lelaki, mengikut keperluan masing-masing. Ini mungkin termasuk perlakuan yang sama atau yang berbeza, tetapi yang dianggap setara dari segi hak, faedah, kewajiban, dan peluang.

MEMAHAMI KETAKSAMAAN GENDER DALAM AMALAN KEWARGANEGARAAN DI MALAYSIA

UNDANG-UNDANG / AMALAN

a) Perlembagaan tidak membenarkan lelaki memindahkan kewarganegaraan kepada anak-anak mereka sekitar anak itu tidak dilahirkan dari perkahwinan yang diakui sah (Seksyen 17, Jadual Kedua, Bahagian II). Ini boleh mewujudkan keadaan tanpa kewarganegaraan jika anak-anak tersebut tidak dapat memperoleh kewarganegaraan daripada ibu mereka, misalnya (i) ibu tidak mempunyai kewarganegaraan; (ii) identiti ibu tidak diketahui; (iii) Undang-undang negara ibu tidak membenarkannya memindahkan kewarganegaraan dalam keadaan tertentu	Jurang
b) Perlembagaan tidak membenarkan ibu memindahkan kewarganegaraan kepada anak-anak mereka yang dilahirkan di luar Malaysia pada asas yang sama dengan bapa.	
Dibenarkan memohon kewarganegaraan di bawah Artikel 15A Perlembagaan Persekutuan (Kuasa Khas untuk Mendaftar Anak)	Amalan semasa
Tempoh pemprosesan yang panjang (lebih daripada 2 tahun) dan penolakan yang berulang kali tanpa dinyatakan sebab permohonan ditolak. Semasa menjalani proses ini, kanak-kanak tanpa kewarganegaraan adalah tertakluk kepada kadar bayaran untuk orang asing apabila mengakses pendidikan dan khidmat penjagaan kesihatan awam. Permohonan dokumen perjalanan sering ditolak.	Kesan dan Cabaran Prosedur
Reformasi undang-undang berkenaan dengan Artikel 14 (1) (b), Jadual Kedua, Bahagian II, Bahagian 1 (b) dan Seksyen 17 Perlembagaan Persekutuan.	Cadangan

KESAN KETAKSAKSAMAAN GENDER DALAM AMALAN KEWARGANEGARAAN DI MALAYSIA

Pelanggaran Hak Wanita

Kebanyakkan undang-undang kewarganegaraan yang mengekalkan diskriminasi berdasarkan jantina, mendiskriminasi wanita dengan menafikan hak wanita untuk memperoleh, mengubah, mengekalkan dan memberikan kewarganegaraan kepada anak-anak atau pasangan mereka. Sering kali, undang-undang ini merupakan warisan undang-undang yang dilaksanakan di bawah pemerintahan kolonial dan berdasarkan sistem yang menganggap wanita tidak setara dengan lelaki. Apabila sebuah Negara menafikan hak kewarganegaraan yang sama terhadap wanita dan lelaki, ia mewujudkan kategori warganegara kelas dua.

Diskriminasi gender dalam undang-undang kewarganegaraan menghalang akses kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan di beberapa negara. Kanak-kanak tanpa kewarganegaraan sering dilarang menghadiri sekolah awam sehingga semua kanak-kanak dengan kewarganegaraan didaftarkan atau sering dipaksa membayar yuran sekolah yang lebih tinggi. Keadaan ini berterusan dalam pendidikan menengah dan pengajian tinggi, yang sangat menghadkan akses anak-anak untuk mendapatkan pendidikan dan, kemudiannya, peluang pekerjaan.

Halangan Pendidikan Kanak-kanak

Keganasan berdasarkan Gender dan Perkahwinan Kanak-kanak atau Paksa

Diskriminasi gender dalam undang-undang kewarganegaraan dapat menyumbang kepada keganasan berdasarkan gender. Wanita yang kehilangan kewarganegaraannya melalui perkahwinan atau yang anak-anaknya tidak mempunyai akses kepada kewarganegaraan ibunya mungkin cenderung terperangkap dalam perkahwinan yang ganas. Selain itu, terdapat risiko pemerdagangan manusia yang lebih tinggi dalam kalangan wanita dan gadis tanpa kewarganegaraan. Diskriminasi gender dalam undang-undang kewarganegaraan juga boleh menyumbang kepada perkahwinan kanak-kanak dan paksa. Kanak-kanak perempuan yang tidak mempunyai kewarganegaraan di negara asalnya mungkin dipaksa untuk berkahwin awal dengan harapan mendapat keselamatan yang lebih tinggi dan akses kepada faedah kewarganegaraan. Wanita yang menjadi hamil akibat pemerkosaan mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk memiliki anak tanpa kewarganegaraan, apabila kewarganegaraan sesebuah negara berasaskan pada paterniti.

Samb:

KESAN KETAKSAKSAMAAN GENDER DALAM AMALAN KEWARGANEGARAAN DI MALAYSIA

Tanpa Kewarganegaraan

Tanpa kewarganegaraan mengakibatkan pelanggaran hak asasi manusia yang meluas dan ketara yang boleh memberi kesan kepada individu dan keluarga mereka selama beberapa generasi. Sebagai tambahan kepada pelanggaran hak asasi manusia yang lain, individu tanpa kewarganegaraan dinafikan penyertaan dalam proses politik, termasuk hak untuk mengundi dan bertanding untuk jawatan awam.

Apabila individu tidak mempunyai kewarganegaraan kerana undang-undang kewarganegaraan yang diskriminasi gender, mereka juga sering dinafikan akses untuk mendapatkan perkhidmatan sosial termasuk penjagaan kesihatan awam. Kos penjagaan kesihatan swasta yang lebih tinggi dapat meningkatkan kejadian penyakit yang tidak dirawat dan menghalang intervensi penjagaan kesihatan pencegahan. Individu yang terkesan juga boleh dihalang daripada memperoleh lesen memandu, akaun bank dan akses ke program kebajikan sosial. Peminggiran dan kesusahan yang dihadapi oleh individu-individu ini juga boleh menyebabkan keterasingan sosial dan tekanan psikologi.

Kekurangan Perkhidmatan Kesihatan & Perkhidmatan Sosial

Mengancam Perpaduan Keluarga

Negara-negara yang menafikan wanita hak yang saksama untuk memberikan kewarganegaraan kepada pasangan warga asing mereka mengancam perpaduan keluarga, termasuk hak anak untuk mengetahui dan dijaga oleh ibu bapanya. Contohnya, apabila lelaki warga asing tidak dibenarkan untuk mengakses kewarganegaraan pasangan mereka, mereka mungkin terpaksa menjauahkan diri daripada anak-anak mereka kerana cabaran dalam mendapatkan permit residensi dan pekerjaan. Pasangan ada juga dilaporkan tidak memulakan kehidupan berkeluarga kerana bimbang akan kesukaran yang akan ditanggung oleh anak-anak mereka yang tidak dapat memperolehi kewarganegaraan daripada ibu mereka.

Kekurangan Peluang Ekonomi & Kemiskinan

Apabila wanita tidak dapat memberikan kewarganegaraan kepada pasangan mereka, suami mereka mungkin tidak dapat memperolehi permit kerja dan terpaksa membayar bayaran yang tinggi untuk permit residensi. Wanita yang tidak dapat memindahkan kewarganegaraan kepada anak-anak dan suaminya, terpaksa menampung seluruh keluarganya, walaupun setelah anak-anak mencapai usia dewasa. Kekurangan peluang pendidikan akibat undang-undang kewarganegaraan yang diskriminatif boleh menyebabkan anak-anak ini terpaksa menempuh kehidupan yang penuh dengan cabaran ekonomi dan halangan untuk mendapatkan pekerjaan formal. Anak-anak yang tidak dapat memperolehi kewarganegaraan melalui ibu mereka sering kali tidak dapat mewarisi harta pusaka, termasuk rumah keluarga. Penafian perkhidmatan sosial memburukkan lagi kerentanan keluarga.

Ketahanan & Pembangunan Nasional

Undang-undang kewarganegaraan yang diskriminatif menghalang individu daripada menyumbang sepenuhnya kepada masyarakat, dan membantutkan pembangunan. Undang-undang kewarganegaraan yang saksama menyokong kestabilan negara, pembangunan ekonomi, kesihatan dan kemakmuran yang lebih baik dengan membenarkan lebih banyak orang menyumbang kepada ekonomi dan pembangunan negara masing-masing.

Tekanan Psikologi & Pemiringiran Sosial

Kebanyakan orang yang terkesan akibat diskriminasi gender dalam undang-undang kewarganegaraan mengalami tekanan psikologi dan pemiringiran sosial. Dicegah dari melibatkan diri secara sepenuhnya dalam aspek ekonomi, sosial, dan politik kehidupan, golongan ini didapati mengalami kemurungan dan kegelisahan, dan merasa bahawa mereka terperangkap dalam situasi mereka, sering tanpa cara untuk mendapatkan suatu penyelesaian. Kanak-kanak juga sering terkesan apabila diberitahu bahawa mereka tidak bernegara.

PERLINDUNGAN UNTUK MENCEGAH ISU TANPA KEWARGANEGARAAN

Perkara 14 (1) (b), Jadual Kedua, Bahagian II, Seksyen 1 (e)

Memperuntukkan seorang anak yang lahir di Malaysia dan belum memperoleh kewarganegaraan dari mana-mana negara lain dalam tempoh 1 tahun selepas kelahiran sebagai warganegara Malaysia.

Perkara 14 (1) (b), Jadual Kedua, Bahagian II, Seksyen 19B

Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf kanak-kanak dijumpai / terbiar sebagai warganegara Malaysia, iaitu negara di mana mereka dijumpai. (di mana P.O.B: Lokasi dijumpai; D.O.B: Tarikh Dijumpai; Pertalian Ibu Bapa: Dilahirkan kepada ibu yang merupakan seorang PR)

Akta Pengangkatan 1952, Seksyen 9 (1)

Kedudukan kanak-kanak yang diambil sebagai anak angkat dalam undang-undang kewarganegaraan adalah sama seperti kedudukan anak kandung. Perlembagaan mengiktiraf seorang kanak-kanak yang lahir di dalam negara sebagai warganegara Malaysia jika salah seorang daripada ibu atau bapanya adalah warganegara atau pemastautin tetap Malaysia. Anak angkat yang diangkat secara sah dianggap dilahirkan dalam perkahwinan yang sah. Pertalian Ibu bapa: Dilahirkan kepada ibu yang merupakan seorang PR.

Namun, tidak ada garis panduan administratif atau prosedur mengenai pelaksanaan peruntukan perlembagaan yang berkaitan.

Matlamat Pembangunan Lestari dan Isu Tanpa Kewarganegaraan

Agenda Pembangunan Lestari 2030 dan janjinya untuk 'tidak meninggalkan sesiapa pun' memperuntukkan kerangka pelengkap rentas sektor untuk mengakhiri isu tanpa kewarganegaraan. SDG menawarkan kerangka kerja inklusif, transformatif dan berdasarkan hak asasi manusia yang dirancang untuk 'mencapai yang paling jauh di belakang pertama' dan oleh itu mewakili alat penyusun yang penting untuk menghentikan pengecualian populasi rentan dan tersingkir, seperti orang-orang tanpa kewarganegaraan. Dengan kehendak politik, sokongan dan kerjasama masyarakat yang diperlukan, berjuta-juta orang di seluruh dunia dapat memperoleh kewarganegaraan dan anak-anak mereka tidak akan dilahirkan tanpa kewarganegaraan.



Ketidaaan dokumen pengenalan diri dan akses kepada pendidikan menimbulkan cabaran dalam mendapatkan pekerjaan yang stabil dan mengecualikan orang tanpa kewarganegaraan dari pasaran buruh rasmi dan diturunkan ke status pengangguran atau sektor pekerjaan tidak rasmi.



Disebabkan oleh kos rawatan kesihatan swasta yang tinggi dan oleh masyarakat terkesan, ramai yang tidak dapat mendapatkan rawatan ataupun menumpukan perhatian pada Pencegahan penyakit. Mereka juga berisiko tinggi menghadapi masalah kesihatan seksual dan pembiasaan akibat akses yang terhad untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan seksual dan pembiasaan. Kesihatan mental, kemurungan, kegelisahan dan pengasingan adalah masalah yang dilaporkan dihadapi oleh kanak-kanak yang tidak dapat memperoleh kewarganegaraan dan juga ibu bapa yang tidak dapat memindahkan kewarganegaraan kepada anak-anak mereka.




Sehingga baru-baru ini, akses kanak-kanak tanpa kewarganegaraan ke sekolah yang dibayai oleh Kerajaan Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut: permohonan kewarganegaraan mereka sedang dipertimbangkan, mereka mempunyai kemampuan untuk membayar yuran levi yang ditetapkan dan sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu atau bapa mereka adalah warganegara Malaysia.



Lelaki hanya perlu untuk "mendaftarkan" kelahiran anak dan mempunyai proses yang sedia ada melalui Perkara 14 (1) yang dapat disempurnakan dalam beberapa hari atau minggu, sedangkan wanita harus "memohon" kewarganegaraan melalui Perkara 15 (2) dan terpaksa berhadapan dengan pelonakan berulang kali dan kelewatian, selalunya selama bertahun-tahun tanpa jaminan kelulusan. Selain itu, Undang-undang Kewarganegaraan juga manfaikan lelaki Malaysia hak untuk memindahkan kewarganegaraan kepada anak-anak mereka yang tidak dilahirkan dari perkahwinan yang diakui sah, walaupun anak itu dilahirkan di Malaysia.

Pembaharuan Undang-undang Setakat Ini

19 negara telah melancarkan reformasi untuk memindah Peruntukan Diskriminasi berdasarkan Gender dalam Undang-undang kewarganegaraan masing-masing



NOTES:



DHRRA MALAYSIA

Building Resilient Communities
Membina Komuniti Yang Resilien

#EndStatelessness



-  www.facebook.com/pg/DHRRA/
-  www.instagram.com/dhrramalaysia/
-  www.dhrramalaysia.org.my/

Disclaimer:

"DHRRA Malaysia" assumes no responsibility or liability for any errors or omissions in the content of the awareness and resolution handbook. The handbooks are designed for educational, awareness and advocacy purposes only, based on mapping and registration of stateless persons project conducted in Malaysia. While we try to keep the information up-to-date and correct, there are no representations or warranties, express or implied, about the completeness, accuracy, reliability, suitability or availability with respect to the information, products, services, or related graphics contained in this handbook for any purpose. Any use of this information is at your own risk.

Penafian:

"DHRRA Malaysia" tidak bertanggungjawab atau berkewajiban atas sebarang kesilapan atau butiran yang tidak dimasukkan dalam katalog buku panduan kesedaran dan resolusi ini. Buku panduan ini direka untuk tujuan pendidikan, kesedaran dan advokasi sahaja, berdasarkan pada pemetaan dan projek pendaftaran orang tanpa kewarganegaraan yang dibuat di Malaysia. Walaupun kami cuba mengekalkan penggunaan maklumat yang terkini dan betul, tiada pernyataan atau jaminan, tersurat maupun yang tersirat, mengenai kesempurnaan, ketepatan, kebolehpercayaan, kesesuaian atau kesediaaan berkenaan dengan maklumat, produk, perkhidmatan, atau grafik yang terkandung dalam buku panduan ini untuk apa-apa tujuan pun. Sebarang penggunaan maklumat ini adalah tanggungjawab anda sendiri.